



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi perkhidmatan berikut: -

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL
MAIJ 3/901/2 (08/2026)	PERKHIDMATAN PENGENDALI UMRAH BAGI PROGRAM KEMBARA AL-HARAMAIN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2026	Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 221307 – Agen Pengembaraan DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) berstatus “PATUH”	RM30.00 27 JULAI 2026 (ISNIN)

1. Syarikat **DIWAJIBKAN** membawa **SALINAN** sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) beserta sijil pendaftaran syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus “PATUH” semasa pembelian dokumen sebut harga.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di **Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5 Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru** dari jam **9.00 pagi – 12.30 tengah hari, 2.00 petang – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis)** dan **9.00 pagi – 12.00 tengah hari, 2.45 – 4.00 Petang (Jumaat)**. Sekiranya Syarikat ingin mewakilkan bagi pembelian dokumen, wakil Syarikat tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama **Surat Perwakilan Syarikat** dan **Cop Syarikat** sebagai bukti. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian dokumen sebut harga tersebut sekiranya dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
3. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.

4. **TARIKH TUTUP SEBUT HARGA: 06 OGOS 2026 (KHAMIS)** pada / sebelum jam 12.00 tengah hari. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Sebut Harga dan Perihal Sebut Harga** di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan **dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru**. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
6. Syarikat menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
7. Syarikat juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan dan Resit Bayaran Zakat Terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
8. Mana-mana Syarikat yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,


Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam Negeri Johor

